

Empower Q-Gen 2017 dedah murid konsep kemandirian hidup

BERA - Seramai 168 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun ini menyertai Program Empower Q-Gen Bera 2017 bagi mempertingkatkan kesedaran mengenai kepentingan agama, disiplin dan nilai murni dalam kehidupan.

Program itu berteraskan motivasi

yang berkonsepkan kemandirian hidup dan peserta mengikuti semua aktiviti yang dilaksanakan seharian di Sekolah Kebangsaan Sri Buntar, Triang kelmarin.

Pengurus Bahagian Pembangunan Modal Insan, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Ecer), Ismail Surip

berkata, program itu bermanfaat kerana peserta dapat mengikuti ilmu dan kemahiran menerusi latihan yang dijalankan, termasuk kemahiran berkomunikasi.

"Selain latih peserta agar berupaya hadapi tekanan, aspek pengamalan gaya hidup sihat dan kaedah komunikasi betul turut

ditekankan.

"Saya harap, semua ilmu yang diperoleh ini dapat dimanfaatkan dan dikongsi dengan rakan-rakan yang tak dapat hadir pada program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Empower Q-Gen 2017 Daerah Bera 2017,

kelmarin.

Perasmian program telah disempurnakan oleh Pengerusi Pengelola Mardi Malaysia, Datuk Mohd Fadil Osman.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Malaysia Pahang (UMP) Advanced Education, Mohamad Rozi Hassan.



Mohd Fadil (dua, kanan) menyampaikan cenderahati kepada wakil kumpulan yang memenangi kategori yang dipertandingkan.

Sebahagian peserta program merakam kenangan bersama Mohd Fadil, Ismail dan Mohammad Rozi serta fasilitator yang terlibat pada program itu.